

Headline	Sebar HIV kepada 300 orang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Global	Circulation	324,097
Page No	L-76	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	60 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,232
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,696



Sebar HIV kepada 300 orang

David Mangum (M) Seorang lelaki yang memberitahu pihak berkuasa bahawa dia melakukan seks dengan 300 orang sejak disahkan dijangkiti HIV mengaku tidak bersalah menyebarkan virus itu kepada seorang lelaki lain.

David Mangum menafikan tuduhan ke atasnya kelmarin selepas didakwa menyebabkan mangsa dijangkiti virus berkenaan.

Di Missouri, hukuman terhadap jenayah seumpamanya antara yang paling tegas di Amerika Syarikat. Mereka yang bersalah berdepan dengan hukuman penjara seumur hidup.

Dokumen mahkamah menyatakan lelaki berusia 36 tahun itu memberitahu polis, dia melakukan seks tanpa perlindungan dengan 300 orang sejak disahkan menghidap HIV kira-kira 10 tahun lalu.

Ramai pasangannya ditemui menerusi iklan Craigslist dan dia akan bertemu mereka di taman, perhentian trak dan lokasi terpencil yang lain. - AFP